

Komitmen kurangkan jurang rakyat diteruskan

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan JAMDI NASIR

SANDAKAN 8 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan meneruskan komitmen mengurangkan jurang perbezaan antara golongan miskin dan kaya termasuk melalui penyediaan kemudahan asas.

Menurutnya, keutamaan kerajaan adalah memastikan sekurang-kurangnya kemudahan seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya dapat disediakan kepada golongan berkenaan.

Beliau berkata, melalui kemudahan asas tersebut rakyat secara tidak langsung diberi peluang untuk memperbaiki diri mereka dengan meningkatkan taraf hidup dan dengan itu, jurang perbezaan antara rakyat tidak lagi terlalu ketara.

"Yang penting rakyat mesti ada peluang berpatutan mencari rezeki untuk keluarga. Kalau orang lain ada kemudahan air, kita pun mesti ada.


"Kemudahan untuk anak-anak kita untuk ke sekolah juga mesti diadakan. Anak-anak kita mesti sama-sama dapat pergi ke sekolah tidak kira anak daripada kumpulan berpangkat rendah, dia boleh pergi ke sekolah bersama dan sederjah dengan pelajar daripada golongan berpangkat tinggi...mesti sama.

"Bukan ada sekolah untuk orang miskin atau orang kaya. Sekolahnya sama sahaja, gurunya pun sama. Bukan guru untuk orang miskin lain dan guru orang kaya lain, bukan begitu. Bukan buku untuk pelajar miskin berlainan daripada buku keluarga kaya. Bukan begitu. Semuanya sama rata," katanya.

Abdullah berkata, beliau akan memastikan pelaksanaan projek kerajaan khususnya dalam bidang pendidikan tidak membezakan antara status sesuatu golongan masyarakat.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis penyerahan kunci projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mesra di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Musa Aman (kanan) beramah mesra dengan penghuni rumah pangsa selepas majlis penyerahan iandakan, semalam.

Perdana Menteri menjelaskan, segala pendekatan kerajaan itu merupakan landasan dalam usaha menjayakan matlamat membasmi kemiskinan tegar menjelang 2010 seterusnya mencapai status negara maju pada 2020.

Menurut Abdullah, ramai pegawai tinggi kerajaan sekarang berasal daripada golongan berpendapatan rendah seperti petani dan nelayan namun berjaya menjawat kedudukan hasil peluang yang diberikan kerajaan untuk mereka mencatat kecemerlangan dalam pelajaran.

"Kita berharap kejayaan yang dikecapi boleh diwariskan kepada anak cucu supaya keluarga yang ada lama-kelamaan akan

bertambah baik keadaannya," katanya.

Jelasnya, perkara itu termasuk dalam soal pembangunan modal insan yang sering ditekankan oleh beliau.

"Pendekatan ini penting kepada kerajaan untuk dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, dengan ikhlas untuk kemajuan rakyat," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan kini dalam proses membina kira-kira 55,000

Bukan ada sekolah untuk orang miskin atau orang kaya. Sekolahnya sama sahaja, gurunya pun sama

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

unit rumah di bawah PPR dengan 22,000 daripadanya sudah siap di seluruh negara.

Katanya, kerajaan berharap bakinya akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2007.

Dalam hal ini, Abdullah mengingatkan penduduk bekas setingan yang diberi peluang membeli atau menyewa rumah PPR supaya bersyukur dan menghargai peluang yang diberikan dengan menjaga kemudahan dengan sebaik-baiknya.